

07/09/2003

Pelajar berpolitik bazir wang negara: Perdana Menteri

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

CYBERJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tidak ada sebab bagi pelajar universiti tidak menyokong kerajaan kerana sebahagian besar perbelanjaan negara digunakan untuk pendidikan terutama membiayai penuntut Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Perdana Menteri menegaskan pelajar IPT yang tidak memberi perhatian kepada pelajaran kerana sibuk berpolitik, hanya membazirkan wang negara berikutan peruntukan itu boleh dibelanjakan bagi membantu masyarakat luar bandar khususnya golongan miskin.

"Kalau mereka sedar tanggungjawab mereka (pelajar universiti), secara semula jadi mereka akan sokong kerajaan kerana apa salah kerajaan terhadap mereka?"

"Kita (kerajaan) bagi biasiswa, kita bagi universiti, yang miskin kita bagi pinjam duit. Kita buat semua untuk mereka. Tak ada sebab kenapa mereka mesti tentang kerajaan."

"Kita sudah belanja wang yang banyak untuk hantar pelajar ke universiti. Jadi, mereka tidak harus membazirkan wang negara yang susah payah dikutip daripada orang lain, jika mereka tidak menumpu kepada pelajaran," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan beberapa anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC), di sini semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan akhbar berhubung penguasaan calon prokerajaan di 15 daripada 17 institusi pengajian tinggi awam termasuk menguasai semula tiga universiti utama yang dilabel sebagai 'kubu propembangkang' pada pilihan raya kampus 2003/2004.

Kemenangan paling bermakna adalah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila berjaya dikuasai semula oleh calon prokerajaan selepas menunggu tujuh tahun.

Perdana Menteri berkata, pelajar IPT boleh terbabit dalam politik asalkan ia hanya menyentuh politik dalaman universiti dan tidak seharusnya membiarkan diri mereka diracuni oleh politik kebencian yang dibawa sesetengah parti politik tertentu.

"Kita dapati ada penuntut yang lebih utamakan politik di luar. Mereka tak belajar. Apabila ada kempen (politik), mereka keluar berkempen, mereka sanggup cakap bohong, menipu, memfitnah. Ini amat mendukacitakan."

"Kerajaan sudah adakan pelbagai kemudahan untuk mereka tapi ada pihak yang mengajar mereka supaya jangan berterima kasih, jangan bersyukur. Ini adalah satu ajaran cukup buruk yang akan menyebabkan masyarakat menjadi kucar-kacir," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, sekiranya ada pelajar universiti berminat menceburi bidang politik, ia hendaklah dilakukan selepas mereka menguasai ilmu dan mampu menyara hidup sendiri.

Sehubungan itu, beliau bersyukur dengan kesedaran pelajar universiti sekarang yang dilihat sebagai tahu tanggungjawab mereka untuk menguasai ilmu pengetahuan.

Ditanya mengenai tindakan melabel pelajar universiti sebagai prokerajaan atau propembangkang, Dr Mahathir menganggap pelajar prokerajaan sebagai golongan bertanggungjawab yang tidak mahu diganggu dalam pembelajaran mereka di IPT.

Bagaimanapun, pelajar yang dikatakan antikerajaan pula bersifat sedemikian selepas dihasut oleh parti politik tertentu.

Kepada soalan lain, Perdana Menteri berkata, jika rakyat tidak diganggu oleh pihak yang sanggup melemparkan fitnah dan berbohong, mereka semua akan menyokong kerajaan.